



**Circular No 124/2020  
Dated 24 Apr 2020**

To Members of the Malaysian Bar

**Update | Notification of Case Hearings Conducted Online during the MCO Period**

We refer to [Circular No 063/2020](#) entitled “Update on COVID-19 | Movement Control Order (II)” dated 17 Mar 2020, the Movement Control Order (“MCO”) issued under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 and the Police Act 1967 as announced by the Prime Minister on 16 Mar 2020 and all extensions of the MCO period announced thereafter, [Circular No 076/2020](#) entitled “Update on COVID-19 | Movement Control Order (IV): Problems Faced by Members” dated 26 Mar 2020, [Circular No 077/2020](#) entitled “Update on COVID-19 | Hearings to be Conducted Online During the Movement Control Order” dated 26 Mar 2020, and [Circular No 097/2020](#) entitled “Notification of Case Hearings Conducted Online during the MCO Period” dated 10 Apr 2020.

The Chief Registrar of the Federal Court, Tuan Ahmad Terrirudin bin Mohd Salleh, has today extended to us a notification entitled “Pemakluman Pendengaran Kes Secara Dalam Talian Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Tahun 2020”.

The relevant portion of his email is reproduced below. Please click [here](#) to view Appendices 1, 2 and 3 (see page 4 onwards).

We would like to highlight to Members to the part in the reproduced email where it states the following:

- (1) The Chief Registrar’s previous direction continues to apply for the duration of the extended MCO period from 29 Apr until 12 May 2020, as announced by the Prime Minister yesterday;
- (2) the list of unchallenged interlocutory applications in the High Court of Malaya which can be heard online starting from 4 May 2020, is contained in **Appendix 1**;
- (3) the procedure for handling online proceedings is contained in **Appendix 2**; and
- (4) the list of officers at the High Court of Malaya and Mediation Centre who can be contacted, are listed in **Appendix 3**.

We hope that the information provided here is of assistance to Members. We will update Members as and when there are new developments.

Thank you.

**A G Kalidas  
Secretary  
Malaysian Bar**

---

Tarikh: 24 April 2020

Dengan hormatnya perkara di atas dan e-mel Pejabat ini bertarikh 17 Mac 2020, 26 Mac 2020 dan 10 April 2020 dirujuk.

2. Sehubungan dengan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dari 29 April 2020 sehingga 12 Mei 2020 yang telah diumumkan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Perdana Menteri Malaysia melalui perutusan bertarikh 23 April 2020, adalah saya diarahkan oleh YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa e-mel Pejabat ini yang bertarikh 17 Mac 2020, 26 Mac 2020 dan 10 April 2020 adalah terpakai sehingga 12 Mei 2020.

3. Pejabat ini ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan bahawa bagi kes-kes di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan, pihak-pihak boleh memohon agar kes-kes didengar secara dalam talian (perenggan 3 e-mel bertarikh 26 Mac 2020 adalah dirujuk).

4. Pejabat ini juga ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri / Datuk / Tuan / Puan kepada perenggan 4 (a) e-mel bertarikh 26 Mac 2020 yang menyatakan seperti berikut:

“Prosiding yang boleh dipohon untuk didengar secara dalam talian adalah—

(a) **Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Rendah di Semenanjung**

Semua permohonan pendengaran permohonan ex-parte atau inter-partes yang difailkan bersama perakuan segera.”

Sebagai tambahan, berikut adalah senarai prosiding di Mahkamah Tinggi Malaya yang boleh didengar secara dalam talian bermula **4 Mei 2020**:

- (a) Atas Permohonan Pihak-Pihak:
- (i) Bicara rayuan interlokutori (Kod 11A dan 12A);
  - (ii) Permohonan interlokutori yang tidak dicabar, (sila rujuk contoh senarai permohonan di **Lampiran 1**);
  - (iii) Permohonan interlokutori yang dicabar tetapi ringkas dan pendek; dan
  - (iv) Rayuan kepada Hakim dalam kamar terhadap keputusan Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar.
- (b) Bagi penyampaian keputusan selepas perbicaraan, Mahkamah Tinggi Malaya akan memaklumkan kepada pihak-pihak tarikh keputusan yang akan disampaikan secara dalam talian; dan
- (c) Atas inisiatif Mahkamah atau atas permohonan mana-mana pihak, semua mediasi boleh dikendalikan secara dalam talian.

Tatacara pengendalian prosiding secara dalam talian adalah seperti di **Lampiran 2**.

Senarai Pegawai-Pegawai di Mahkamah Tinggi Malaya dan Pusat Mediasi yang boleh dihubungi adalah seperti di **Lampiran 3**.

**PERMOHONAN INTERLOKUTORI YANG TIDAK DICABAR**

1. Permohonan Pindaan (Semua Kod)
2. Permohonan Pelanjutan Masa (Semua Kod)
3. Permohonan Ad Interim Injunksi (*ex parte*)
4. Permohonan Mengetepikan
5. Permohonan Kebenaran Pelaksanaan Penghakiman
6. Permohonan Semakan Kehakiman (Kod 25)
7. Permohonan Pengecualian Penjamin dan Permohonan Pindaan Kepada Senarai Aset (Kod 31 & 32)
8. Merekodkan Penghakiman Persetujuan
9. Permohonan Pengecualian Dari Menghadiri Kaunseling di Badan Pendamai (Kod 24F)
10. Permohonan Pelepasan di bawah Seksyen 33 Akta Insolvensi 1967 (Kod 29PB)
11. Permohonan Kebenaran di bawah Seksyen 8 Akta Insolvensi 1967 (Kod 29PB)
12. Permohonan Sanksi di bawah Seksyen 38(1) Akta Insolvensi 1967 (Kod 29PB)
13. Permohonan Pembatalan Kebankrapan di bawah Seksyen 105 Akta Insolvensi 1967 (Kod 29PB)
14. Permohonan berkaitan pendaftaran gadaian di bawah Seksyen 352 dan 361, Akta Syarikat 2016
15. Permohonan di bawah Seksyen 116 Akta Syarikat 2016
16. Permohonan Penggantungan atau Penamatan Penggulungan Syarikat
17. Permintaan Waran Penahanan Kapal (Kod 27NCC)

Walau bagaimanapun, senarai di atas adalah tidak terhad dan Mahkamah mempunyai budi bicara dalam menentukan jenis permohonan yang sesuai didengar secara dalam talian mengikut jenis keadaan kes.



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

# **PANDUAN PENGENDALIAN PROSIDING SECARA SIDANG VIDEO**

## KANDUNGAN

PENGENDALIAN PROSIDING SECARA SIDANG VIDEO.....	3
KEPERLUAN MINIMA PERKAKASAN UNTUK SIDANG VIDEO MAHKAMAH.....	5
KEPERLUAN CAPAIAN INTERNET.....	6
ETIKA SIDANG VIDEO MAHKAMAH.....	6
TATACARA PENGGUNAAN <i>SKYPE FOR BUSINESS</i> ATAU <i>SKYPE</i> UNTUK SIDANG VIDEO MAHKAMAH.....	7

## PENGENDALIAN PROSIDING SECARA SIDANG VIDEO

1. Sidang video boleh digunakan dengan melaksanakan langkah-langkah yang berikut:

### (1) Persediaan sebelum sidang video

- (a) pendaftar atau jurubahasa mahkamah akan memaklumkan pihak-pihak secara e-mel, sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelum tarikh prosiding, bahawa prosiding akan dilaksanakan secara sidang video pada tarikh dan masa yang ditetapkan;
- (b) notis makluman kepada pihak-pihak hendaklah menyatakan tempat perbicaraan diadakan iaitu dijalankan dalam talian;
- (c) semua dokumen hendaklah difailkan (secara e-filing) sebelum prosiding secara sidang video dilaksanakan dan hanya dokumen yang telah difailkan sahaja yang akan dirujuk;
- (d) bagi kes-kes yang melibatkan perakuan segera, pendaftar atau jurubahasa mahkamah akan memaklumkan pihak-pihak dengan segera untuk persediaan sidang video supaya permohonan dapat didengar pada masa yang ditetapkan oleh hakim;
- (e) pendaftar atau jurubahasa mahkamah akan mendapatkan pengesahan persetujuan pihak-pihak untuk mengendalikan prosiding secara sidang video dan mendapatkan butiran nombor telefon dan alamat e-mel pihak-pihak untuk persediaan sesi sidang video tersebut;
- (f) permohonan awal hendaklah dibuat kepada hakim sekiranya anak guam berhasrat untuk menyertai sesi sidang video tersebut; dan
- (g) sidang video yang diadakan akan melibatkan hakim dan pihak-pihak daripada lokasi pejabat atau rumah masing-masing.

### (2) Tindakan semasa hari pendengaran prosiding secara sidang video

- (a) pada tarikh pendengaran, dan dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum masa yang ditetapkan untuk pendengaran kes bermula, pendaftar atau jurubahasa mahkamah hendaklah menghantar peringatan kepada pihak-pihak secara e-mel atau panggilan telefon untuk memastikan bahawa pihak-pihak masih bersetuju untuk menjalankan sidang video;
- (b) hakim, pendaftar atau jurubahasa mahkamah akan menghantar jemputan kepada pihak-pihak melalui perisian sidang video (contohnya seperti Skype for

Business atau Skype atau perisian lain yang sesuai. Aplikasi Zoom tidak dibenarkan) untuk menyertai sidang video;

- (c) pihak-pihak akan menerima jemputan melalui perisian tersebut untuk menyertai sidang video;
- (d) sebelum prosiding dimulakan, satu sesi ujian (trial run) yang singkat hendaklah dibuat oleh mahkamah dan pihak-pihak untuk menguji kualiti audio dan video serta kecekapan rangkaian masing-masing semasa sesi sidang video tersebut;
- (e) pihak-pihak hendaklah memastikan etika pelaksanaan prosiding di bilik pembicaraan (*courtroom etiquette*) dipatuhi semasa sesi sidang video berlangsung seperti yang berikut:
  - i. berpakaian pakaian dalam kamar;
  - ii. bersedia dalam talian sekurang-kurangnya tiga puluh (30) minit sebelum sidang video berlangsung;
  - iii. memastikan hanya pihak-pihak yang dijemput sahaja berada dalam sesi sidang video tersebut;
  - iv. peguam Plaintiff akan memulakan prosiding dengan memperkenalkan pihak-pihak;
  - v. mematuhi arahan hakim mengenai cara pengendalian sesi tersebut iaitu dari segi giliran berhujah, tempoh masa berhujah dan penggunaan dokumen-dokumen yang berkaitan;
  - vi. memastikan posisi badan hendaklah menghadap kamera sepanjang sidang video berjalan;
  - vii. tidak membuat apa-apa "*hand gesture*" atau gerak badan yang tidak sopan;
  - viii. tidak makan dan minum semasa sesi sidang video; dan
  - ix. berada di sesi sidang video tersebut sepanjang masa dan tidak meninggalkan prosiding tanpa kebenaran hakim;
- (f) bagi prosiding di Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan yang dijalankan secara sidang video, sekiranya ahli-ahli Panel Persidangan perlu berbincang, pendaftar mahkamah boleh menghentikan sebentar sesi sidang video untuk pihak-pihak dan menjemput semula pihak-pihak menyertai sidang video selepas itu; dan
- (g) setiap sesi sidang video hendaklah dirakamkan sepanjang prosiding berlangsung dengan menggunakan fungsian rakaman yang terdapat di dalam perisian sidang video yang digunakan. Rakaman tersebut hendaklah disimpan dan kemudiannya nota keterangan bagi prosiding tersebut hendaklah direkodkan dalam sistem aplikasi atau fail mahkamah.

### (3) Selepas Sidang Video

- (a) selepas selesai prosiding secara sidang video, hakim boleh menetapkan tarikh untuk keputusan. Keputusan boleh dimaklumkan kepada pihak-pihak secara



sidang video atau secara e-Review atau mana-mana cara yang difikirkan sesuai oleh hakim; dan

- (b) selepas itu pihak-pihak hendaklah memfailkan dokumen perintah / penghakiman melalui sistem e-Filing seperti biasa.

Setiap pengguna perlu memastikan keperluan minima perkakasan, perisian dan capaian INTERNET yang digariskan dibawah, disediakan terlebih dahulu sebelum memulakan sesuatu Sidang Video (*Video Conferencing*) bagi menjamin pengendalian prosiding secara sidang video lancar tanpa gangguan.

## KEPERLUAN MINIMA PERKAKASAN UNTUK SIDANG VIDEO MAHKAMAH

2. Berikut adalah keperluan spesifikasi minimum *PC/Notebook* untuk sidang video dengan perisian *Skype for Business* atau *Skype*.

Perisian sidang video yang lain boleh juga digunakan tetapi tatacara penggunaannya perlu diikuti seperti yang dinyatakan dalam manual perisian berkenaan.

- i. Windows Desktop
  - a. Perisian *Skype for Business* atau *Skype* di Windows Desktop (Muat turun daripada <https://www.skype.com/en/get-skype/>)
  - b. Windows 10 version 1507 or above
  - c. Windows 8.1, Windows 8, Windows 7
  - d. Sekurang-kurangnya kekuatan CPU Intel i3 dengan 1GHz processor
  - e. Sekurang-kurangnya kapasiti 512 MB RAM

Nota: Untuk Badan Kehakiman, perkakasan PC/Notebook yang telah disediakan memenuhi keperluan di atas.

ATAU

- ii. *Skype for Web*
  - a. Windows 10 version 1507 or above
  - b. Microsoft Edge atau Chrome Browser yang terkini
  - c. Sekurang-kurangnya CPU Intel I3 dengan 1GHz processor
  - d. Sekurang-kurangnya 512 Mb RAM

ATAU

- iii. Untuk platform selain daripada Windows (contohnya perkakasan Macbook), spesifikasi minima dan perisian Skype boleh dimuat turun daripada url berikut: <https://support.skype.com/en/skype/all/start/download-install/>

## KEPERLUAN CAPAIAN INTERNET

1. Setiap peserta dalam Video Conference perlu mempunyai rangkaian INTERNET sendiri, seperti TM UNIFI, MaxisONE Home, Time Broadband.
2. Berikut adalah keperluan minima rangkaian INTERNET mengikut bilangan pengguna dalam *Video Conference*:

<b>Call type</b>	<b>Minimum download / upload speed</b>	<b>Recommended download / upload speed</b>
<b>Calling</b>	30kbps / 30kbps	100kbps / 100kbps
<b>Video calling / Screen sharing</b>	128kbps / 128kbps	300kbps / 300kbps
<b>Video calling (high-quality)</b>	400kbps / 400kbps	500kbps / 500kbps
<b>Video calling (HD)</b>	1.2Mbps / 1.2Mbps	1.5Mbps / 1.5Mbps
<b>Group video (3 people)</b>	512kbps / 128kbps	2Mbps / 512kbps
<b>Group video (5 people)</b>	2Mbps / 128kbps	4Mbps / 512kbps
<b>Group video (7+ people)</b>	4Mbps / 128kbps	8Mbps / 512kbps

3. *Speed* di atas adalah bergantung kepada kapasiti langganan talian internet.
4. Sekiranya semua keperluan minima perkakasan, perisian dan rangkaian telah disediakan, maka *Video Conferencing* dengan perisian *Skype for Business* atau *Skype* boleh dilaksanakan dengan mudah.

## ETIKA SIDANG VIDEO MAHKAMAH

Setiap pihak sidang video mahkamah perlu mematuhi etika sidang video berikut:

1. Bilik sesi sidang video mestilah dilengkapi dengan cahaya yang terang dan tiada gangguan bising,
2. Pastikan PC / Notebook / Peranti Tablet yang digunakan semasa sesi sidang video mempunyai punca kuasa yang mencukupi,
3. Talian dan capaian INTERNET mestilah mencukupi dan tiada gangguan sepanjang tempoh sidang video,
4. Memastikan kamera web dan mikrofon di komputer masing-masing dan INTERNET berfungsi dengan baik,

5. Perisian sidang video seperti *Skype for Business* atau *Skype* telah dimuat turun dan tersedia dalam komputer masing-masing dan pengguna telah mendaftar sebagai pengguna sidang video,
6. Sekiranya terdapat sebarang gangguan kepada paparan video atau audio atau gangguan INTERNET, pihak-pihak hendaklah segera memaklumkan kepada Hakim. Kemungkinan sidang video perlu ditangguhkan sebentar atau ditetapkan semula pada tarikh lain sekiranya gangguan teknikal tersebut tidak dapat diatasi.

## TATACARA PENGGUNAAN *SKYPE FOR BUSINESS* ATAU *SKYPE* UNTUK SIDANG VIDEO MAHKAMAH

Penganjur sidang video terdiri daripada Hakim, Timbalan Pendaftar atau Urusetia yang menganjurkan sidang video menggunakan *Skype for Business* atau *Skype*. Tatacara penggunaan dan langkah-langkah penggunaan boleh dirujuk melalui pautan <https://www.skype.com/en/features/skype-web/> atau klik pada ikon aplikasi *Skype for Business* atau *Skype for Desktop* yang telah *diinstall* dalam PC/Notebook.

## BANTUAN TEKNIKAL

Sebarang pertanyaan berhubung isu-isu teknikal, sila berhubung dengan Bahagian Teknologi Maklumat PKPMP seperti berikut:

Encik Mohd Norhakim bin Hussein  
Juruteknik Bahagian Teknologi Maklumat PKPMP  
010-4594456 / e-mel: [mnhakim@kehakiman.gov.my](mailto:mnhakim@kehakiman.gov.my)

Encik Hasfazaidi bin Abu Hasan  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
03-88804028 / e-mel: [hasfazaidi@kehakiman.gov.my](mailto:hasfazaidi@kehakiman.gov.my)

## LAMPIRAN 3

### A. SENARAI NAMA DAN NOMBOR TELEFON PEGAWAI MAHKAMAH TINGGI MALAYA

#### **MAHKAMAH TINGGI KANGAR**

Puan Siti Norhasliza Md Ali

No. Tel: 011-10503233

e-mel: [norhasliza.mdali@kehakiman.gov.my](mailto:norhasliza.mdali@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI ALOR SETAR**

Puan Norzarifah binti Mohamed Ali

No. Tel: 012-4669464

e-mel: [nurzafirah@kehakiman.gov.my](mailto:nurzafirah@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG**

Puan Diannee Ningrad binti Nor Azahar

No. Tel: 013-4896711

e-mel: [diannee@kehakiman.gov.my](mailto:diannee@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI TAIPING**

Puan Suhaima binti Mohd Noor

No. Tel: 018-9034031

e-mel: [suhaima@kehakiman.gov.my](mailto:suhaima@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI IPOH**

Puan Zulyana binti Zollkapli

No. Tel: 017-3862197

e-mel: [zulyana@kehakiman.gov.my](mailto:zulyana@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI SHAH ALAM**

Puan Raja Noor Adilla binti Raja Mahyaldin (Bahagian Sivil)

No. Tel: 017-6629642

e-mel: [nooradilla@kehakiman.gov.my](mailto:nooradilla@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI KUALA LUMPUR**

Puan Syahrin binti Jeli (Bahagian Sivil)

No. Tel: 016-2200313

e-mel: [syahrin@kehakiman.gov.my](mailto:syahrin@kehakiman.gov.my)

Puan Nurul Nadia binti Abdul Razak (Bahagian Sivil)

No. Tel: 016-5331609

e-mel: [nurulnadia@kehakiman.gov.my](mailto:nurulnadia@kehakiman.gov.my)

Tuan Ashraf Rezal bin Haji Abdul Manan (Bahagian Dagang dan Pembinaan)

No. Tel: 013-3747184

e-mel: [ashraf@kehakiman.gov.my](mailto:ashraf@kehakiman.gov.my)

Puan Norazlin binti Othman (Bahagian Kuasa-Kuasa Khas)  
No. Tel: 012-6736715  
e-mel: [norazlin@kehakiman.gov.my](mailto:norazlin@kehakiman.gov.my)

Puan Noorfazlin binti Hamdan (Bahagian Keluarga)  
No. Tel: 017-7951084  
e-mel: [noorfazlin@kehakiman.gov.my](mailto:noorfazlin@kehakiman.gov.my)

Puan Ida Rahayu binti Sharif (Bahagian Kebankrapan)  
No. Tel: 013-6356560  
e-mel: [idarahayu@kehakiman.gov.my](mailto:idarahayu@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI SEREMBAN**

Puan Siti Noor Mazlifah binti Mokhtar  
No. Tel: 012-2464065  
e-mel: [mazlifah@kehakiman.gov.my](mailto:mazlifah@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI MELAKA**

Tuan Mohd Firdaus bin Saleh  
No. Tel: 012-9200380  
e-mel: [firdaussaleh@kehakiman.gov.my](mailto:firdaussaleh@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI MUAR**

Puan Mageshwary a/p Muniandy  
No. Tel: 018-3522969  
e-mel: [mageshwary@kehakiman.gov.my](mailto:mageshwary@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI JOHOR BAHRU**

Puan Noor Aisyah binti Ahmad  
No. Tel: 013-2071944  
e-mel: [aisyah@kehakiman.gov.my](mailto:aisyah@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI TEMERLOH**

Puan Noor Zaihan binti Mohamad Ali  
No. Tel: 019-9876400  
e-mel: [zaihan@kehakiman.gov.my](mailto:zaihan@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI KUANTAN**

Puan Noor Aisah binti Mohamed  
No. Tel: 019-2264226  
e-mel: [aisah@kehakiman.gov.my](mailto:aisah@kehakiman.gov.my)

#### **MAHKAMAH TINGGI KUALA TERENGGANU**

Tuan Nik Mohd Tarmizie bin Mohd Shukri  
No. Tel: 013-9494294  
e-mel: [tarmizie@kehakiman.gov.my](mailto:tarmizie@kehakiman.gov.my)

**MAHKAMAH TINGGI KOTA BHARU**  
Puan Norfauzani binti Mohd Nordin  
No. Tel: 019-6566890  
e-mel: [norfauzani@kehakiman.gov.my](mailto:norfauzani@kehakiman.gov.my)

**B. NAMA DAN NOMBOR TELEFON PEGAWAI MEDIASI**

Puan Wan Fadhilah Nor binti Wan Idris  
Pengarah Bahagian Mediasi  
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan  
No. Tel: 013-2074117  
e-mel: [wanfadhilah@kehakiman.gov.my](mailto:wanfadhilah@kehakiman.gov.my)



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**PEMAKLUMAN PENUTUPAN MAHKAMAH SEPANJANG TEMPOH PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Selaras dengan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 12 Mei 2020, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia memaklumkan bahawa premis Mahkamah masih ditutup dan tidak beroperasi sehingga mendapat arahan Kerajaan.

Sehubungan itu, semua arahan mengenai pendengaran kes melalui kenyataan media bertarikh 17 Mac 2020, 26 Mac 2020, 2 April 2020 dan 24 April 2020 adalah terpakai sehingga 12 Mei 2020.

Sekian, terima kasih.

**Unit Komunikasi Korporat**

Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Tarikh: 2 Mei 2020**